

# Put first thing first

UG 19.12.2012 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

MANUSIA sering kali melihat perspektif dunia dalam pelbagai corak dan bentuk. Corak dan bentuk bergantung kepada gaya pemikiran setiap individu. Gaya pemikiran pula bergantung kepada cara didikan dan pergaulan yang diterima daripada rakan-rakan mahupun masyarakat persekitarannya. Justeru itu pemikiran boleh mendorong seseorang untuk menunjuk kredibilitinya sebagai seorang yang budiman ataupun seorang

yang hipokrit. Ini disebabkan dalam kehidupan seharian pelbagai ragam yang boleh kita buat pemerhatian dan menganalisis tingkah laku manusia.

Terutamanya yang paling mudah dikenalpasti apabila dalam sesuatu persahabatan dan pergaulan harian. Sekiranya pergaulan tersebut dijalin atas dasar materialistik maka apabila sesuatu masalah timbul maka orang-orang yang mendampinginya akan mula cuak dan menjauhkan diri, Begitu juga dalam kehidupan berorganisasi semakin terpesong niat untuk bekerja maka semakin terpesonglah setiap tindak tanduk dengan para pekerjaanya.

Justeru itu ada yang melihat

ramai yang bekerja semata-mata untuk mendapatkan gaji sahaja. Ini dapat dilihat apabila datang ke pejabat ramai yang leka berhubung melalui laman sosial samada *facebook*, *twitter* dan sebagainya. Apabila diminta untuk membuat kerja mula menampakan sikap yang menolak dan tidak ingin membantu rakan-rakan yang lain kerana memikirkan tentang skop kerjanya sahaja walaupun tugasannya tidak membebankan. Justeru itu mereka akan lebih suka bergosip alaf baru melalui laman sosial sahaja sepanjang waktu di pejabat. Kadang-kadang ada juga dalam sesebuah organisasi jenis individu yang suka menunjuk-nunjukkan kerjanya sedangkan

tugas yang diberikan kepadanya tidak pernah disiapkan. Malah ada juga yang berani mengambil kesempatan memanipulasikan ketuanya seolah-olah dirinya yang terbaik dan cemerlang dalam kerja.

Dalam kehidupan organisasi juga ada manusia yang tidak dapat membezakan jenis pekerjaan yang dilakukan samada perlu segera, penting dan tidak penting. Mengikut Stephen R. Covey manusia selalu keliru dalam hidupnya dan tidak mahir mengambil tindakan yang mana patut di dahulukan. Ada yang sukar membezakan antara segera dan penting (Urgent And Important ), penting tapi

tidak segera( Important But Not Urgent), segera tapi tidak penting (Urgent But Not Important )dan tidak segera dan tidak penting (Not Urgent Not Important). Selalunya manusia akan keliru dalam mengambil tindakan yang sepatutnya, sebaliknya perkara yang remeh temeh didahulukan. Keadaan tersebut akan boleh mempengaruhi prestasi organisasi sekiranya mempunyai kakitangan yang bersikap sedemikian.

Lantaran itu sekiranya kita menyedari bahawa kehidupan ini tidak bermakna sekiranya kita jenis yang terlalu mementingkan diri dan tidak pandai berkorban untuk orang lain. Justeru itu sukar untuk mencari manusia yang

bekerja sebenar-benarnya bekerja kerana mencari keredhaan Ilahi. Lantaran itu ramai yang membuat keputusan yang kurang tepat dalam kehidupannya terutamanya dalam membuat pilihan dalam pekerjaan, dalam hidup berkeluarga malah ada juga yang silap memilih kakitangannya. Oleh yang demikian kembalilah ke pangkal jalan sebelum terlambat dengan mengisafi apa sebenarnya disebalik pekerjaan yang diberikan. Justeru itu tidak akan berlaku perselisihan faham antara satu sama lain dan menimbulkan konflik di kalangan pekerja sesebuah organisasi.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS